



AB Rauf (dua dari kanan) menyampaikan bayaran insentif kepada nelayan. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR

4m 17/11/2022 MS: 27

## 'RM250 amat bernilai bagi kami'

**Masjid Tanah:** "Meskipun hanya RM250, ia amat bernilai bagi kami terutama pada musim tengkujuh dan angin kencang sekarang yang menyebabkan saya tidak dapat turun ke laut sejak seminggu lalu.

"Alhamdulillah, kami bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana prihatin terhadap nasib kami," kata nelayan Haron Safar, 65.

Dia adalah seorang daripada 327 nelayan daerah Alor Gajah yang menerima Bayaran Insentif Sekali Bayar RM250 yang disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Exco Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan nege-

ri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di Dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan (Japerun) Tanjung Bidara di sini, semalam.

Sumbangan oleh kerajaan negeri itu adalah bayaran kali keempat daripada keseluruhan RM1,000 untuk setiap nelayan bagi membantu meringankan beban kos sara hidup tahun ini.

Kerajaan negeri memperuntukkan RM1.18 juta bagi pemberian insentif berkenaan kepada 1,176 nelayan di daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin.

Selain wang tunai, nelayan turut menerima jaket keselamatan dan lampu kepala sebagai sebahagian daripada langkah menjaga keselamatan ketika menangkap ikan.

Haron berkata, berikutan

tidak mampu turun ke laut, pendapatannya berkurangan dan terpaksa bergantung hanya pada pencen sebagai anggota tentera.

Katanya, bantuan berkenaan membolehkannya membeli barangan makanan untuk keluarga, selain untuk simpanan ketika kecemasan.

Sementara, Baharudin Ahmad, 63, berkata, angin kencang sejak seminggu lalu menyebabkan dia hanya mampu membuat kerja membaiki jaring atau pukat rosak akibat tersangkut pada batu karang.

"Mungkin pada orang lain RM250 kecil nilainya tetapi bagi kami nelayan yang hidup ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, ia amat bernilai," katanya.